

## **SEJARAH PEMBINAAN KAABAH OLEH NABI IBRAHIM (AS) DAN NABI ISMAIL (AS)**

### **[THE HISTORY OF THE CONSTRUCTION OF THE KA'BA BY PROPHET IBRAHIM (PBUH) AND PROPHET ISMAIL (PBUH)]**

FARID MAT ZAIN<sup>1</sup>  
KHAIRUN NAJIHA KAMARUZAMAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: farid@ukm.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 15 October 2022

#### **Abstrak**

Setiap tahun umat Islam akan pergi ke Makkah untuk menunaikan haji. Mereka melakukan tawaf dengan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali sebagai syarat memenuhi rukun haji. Namun ramai dalam kalangan mereka melaksanakan rukun haji ini tidak mengetahui sejarah terbinanya batu hitam empat persegi itu. Ini menyebabkan penghayatan terhadap rukun haji kurang dihayati. Makalah ini secara naratif menceritakan mengenai sejarah pembinaan Kaabah yang mulia itu yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim (as) dengan Nabi Ismail (as). Di samping itu makalah ini juga membincangkan mengenai kehidupan Nabi Ibrahim bersama dengan isteri baginda iaitu Siti Sarah dan Siti Hajar sebelum sejarah pembinaan Kaabah dilakukan. Turut dibincangkan juga ialah binaan yang terdapat di sekitar Kaabah iaitu Maqam Ibrahim (as), Hajarul Aswad, Hijr Ismail (as) dan perigi Zamzam. Penulisan ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap bahan berkaitan sejarah Nabi Ibrahim (as) dan sejarah pembinaan Kaabah yang dihasilkan. Dengan kefahaman terhadap sejarah pembinaan Kaabah ini akan lebih meningkatkan penghayatan dan kualiti pensyariatan ibadah haji yang dilakukan.

**Kata kunci:** Kaabah, Nabi Ibrahim (AS), Nabi Ismail (AS)

#### **Abstract**

*Every year Muslims go to Makkah to perform the Hajj. They perform tawaf by circling the Kaaba seven times as a condition of fulfilling the pillars of Hajj. However, many of those performing this Hajj do not know the history of the construction of the square black stone. This causes the appreciation of the pillars of Hajj to be less appreciated. This paper narratively describes the history of the construction of the glorious Kaaba which was done by Prophet Ibrahim (as) and Prophet Ismail (as). In addition to this, this paper also discusses the life of Prophet Ibrahim together with his wife Siti Sarah and Siti Hajar before the history of the*

*construction of the Kaaba. Also discussed are the buildings around the Kaaba, namely Maqam Ibrahim (as), Hajarul Aswad, Hjr Ismail (as) and Zamzam well. This writing uses a content analysis approach to the material related to the history of Prophet Ibrahim (as) and the history of the construction of the Kaaba. With an understanding of the history of the construction of the Kaabah, this will further improve the appreciation and quality of the Hajj rituals performed.*

**Keywords:** Kaaba, Prophet Ibrahim (AS), Prophet Ismail (AS)

**Cite as:** Farid Mat Zain & Khairun Najiha Kamaruzaman. 2022. Sejarah Pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim (AS) dan Nabi Ismail (AS) [The History of The Construction of The Ka'ba by Prophet Ibrahim (PBUH) and Prophet Ismail (PBUH)]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 148-165.

## PENGENALAN

Sebilangan besar pengkaji berpendapat bahawa Nabi Ibrahim (as) merupakan orang pertama yang mendirikan Kaabah. Ini dibuktikan dengan rujukan-rujukan lepas dalam bahasa Arab dan tafsir Al-Quran. Artikel ini merangkumi pengenalan berkenaan sejarah Kaabah di mana akan diterangkan tentang sejarah dan pembinaan semula Kaabah pada zaman Nabi Ibrahim (as) dan Nabi Ismail (as). Selain itu dibincangkan juga sejarah berkaitan dengan Kaabah iaitu Maqam Ibrahim (as), Hajarul Aswad, Hjr Ismail, kiswah Kaabah dan perigi Zamzam.

## LATAR BELAKANG KEHIDUPAN NABI IBRAHIM (AS)

Sejarah Makkah ini bermula dengan kisah Nabi Ibrahim (as), seorang hamba Allah s.w.t yang telah dilahirkan di Kutha dalam kerajaan Babylon (juga dikenali sebagai Al-Warka, sekarang ini dikenali sebagai Iraq). Pada awalnya, baginda menetap di sebuah negeri bernama Chaldean, di sebuah bandar bernama Ur yang terletak di selatan Babylon, di tebing Sg. Furat (Euphrates). Ayah baginda bernama Azar bin Sam bin Nuh. Nama penuh ayah baginda ialah Tarikh bin Sam bin Nuh, tetapi terkenal dengan nama Azar kerana pekerjaan hariannya ialah membuat patung yang dijadikan sembahhan oleh puak Quraisy (Abdul Wahab 2004: 41).

Terdapat pendapat lain mengatakan bahawa baginda dilahirkan pada tahun 2295 sebelum Masihi di negeri Mausul pada zaman Raja Namrud. Raja Namrud merupakan seorang raja yang memerintah di negara Babylon. Pada masa itu, kerajaan Babylon menguasai wilayah yang sangat luas. Empayar kekuasaannya termasuk negara Iraq, Syria, Jordan dan Palestin. Raja Namrud ialah seorang raja yang sangat kejam dan mengakui dirinya sebagai Tuhan. Semua kaum raja Namrud menyembah berhala, sedangkan Nabi Ibrahim (as) menyembah Tuhan yang Esa (Ahmad Fikri 2010: 155).

Pada satu malam, Raja Namrud bermimpi. Dalam mimpi tersebut, terdapat seorang anak lelaki masuk ke dalam biliknya dan meragut mahkota di kepalanya, kemudian memijak-mijak mahkota itu sehingga hancur. Namrud pun memanggil ahli-ahli nujumnya untuk mentafsirkan maksud mimpi tersebut. Menurut tafsiran mereka, akan lahir di Babylon seorang anak lelaki yang akan melawan Namrud dan menjatuhkannya dari takhta kerajaannya. Tafsiran ahli nujum itu menakutkan Namrud, maka Namrud mengeluarkan perintah bahawa semua bayi lelaki di Babylon mesti dibunuh.

Pada masa itu, ibu Nabi Ibrahim (as) sedang hamil. Bagi menyelamatkan anaknya, dia bersembunyi di dalam sebuah gua dan tinggal di sana sehingga bayinya selamat dilahirkan. Bayi itu diberi nama Ibrahim. Sejak kecil lagi, Nabi Ibrahim (as) telah mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah s.w.t. Apabila Nabi Ibrahim (as) melihat keadaan orang-orang yang menyembah patung-patung berhala, timbul pertanyaan di hatinya, bagaimana satu benda yang dibuat dan diukir dari kayu, logam dan sebagainya dijadikan sembahaman manusia, padahal patung-patung itu tidak boleh melihat, mendengar, berbicara mahupun untuk memberi pertolongan kepada mereka yang menyembahnya (Ahmad Fikri 2010: 156).

Allah s.w.t memberi petunjuk dan bimbingan kepada Nabi Ibrahim (as) dengan diturunkan wahyu kepadanya. Lama kelamaan, baginda mula mengenali Allah s.w.t, tuhan sekalian alam. Baginda kemudianya diutuskan menjadi pesuruh Allah s.w.t bagi membimbing kaumnya ke arah jalan yang benar. Nabi Ibrahim (as) mula menyeru umatnya supaya menyembah Allah s.w.t. Baginda mula berhujah di hadapan kaumnya dengan hujah-hujah yang logik dan bernes. Baginda menghina patung-patung sembahaman di hadapan kaumnya. Hal ini dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ.

Maksudnya: Ia berkata: “Sesungguhnya kamu dan datuk nenek kamu adalah dalam kesesatan yang nyata”. (Al-Quran, Al-Anbiya’ 21: 54)

Hal ini juga telah dibahaskan oleh baginda ketika berhujah dengan kaumnya melalui firman Allah s.w.t:

أَنْفَكَا إِلَهَةً دُونَ اللَّهِ تُرِيدُونَ. فَمَا ظَنُّكُمْ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: “Patukkah kamu menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, kerana kamu memutar belitkan kebenaran semata-mata (bukan kerana benarnya)? Maka bagaimana fikiran kamu pula terhadap Allah Tuhan sekalian alam?” (Al-Quran, Al-Saffat 37: 86-87)

Lalu kaumnya mula berdebat dengannya dengan menyuarakan beberapa pertanyaan antaranya firman Allah s.w.t:

قَالُوا أَجْئَنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ الْمَاعِينَ.

Maksudnya: Mereka bertanya: “Adakah engkau membawa kepada kami sesuatu yang benar (sebagai seorang Rasul), atau engkau dari orang-orang yang bermain-main sahaja?” (Al-Quran, Al-Anbiya’ 21: 55)

Mereka menyangkal kerasulan Nabi Ibrahim (as) dengan pelbagai pertanyaan dan alasan. Nabi Ibrahim (as) menjawab pertanyaan kaumnya sambil mengancam untuk menghancurkan berhala-berhala sembahaman mereka sebagaimana firman Allah s.w.t:

قَالَ بْلَ رَبُّكُمْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الَّذِي فَطَرَهُنَّ وَأَنَا عَلَى ذُلْكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ。 وَتَأْلِهَةٌ لَا يَكِيدُنَ أَصْنَامُكُمْ  
بَعْدَ أَنْ تُؤْلُوا مُدْبِرِينَ。 فَجَعَلُهُمْ جُدَادًا إِلَّا كَيْبِرًا لَهُمْ لَعْنَهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ。

Maksudnya: Ia menjawab: “(Bukan bermain-main) bahkan (untuk menegaskan bahawa) Tuhan kamu ialah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi, Dia lah yang menciptanya; dan aku adalah dari orang-orang yang boleh memberi keterangan mengesahkan yang demikian itu. Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini)”. Lalu ia memecahkan semuanya berketul-ketul, kecuali sebuah berhala mereka yang besar (dibiarkannya), supaya mereka kembali kepadanya. (Al-Quran, Al-Anbiya’ 21: 56-58)

Apabila tiba masa yang sesuai, Nabi Ibrahim (as) pergi ke tempat sembahannya lalu baginda memecahkan patung-patung berhala dengan kapak yang berada di tangannya. Baginda menghancurkan semua patung-patung kecil dan membiarkan patung yang paling besar serta menyangkutkan kapak pada patung yang besar. Apabila kaumnya kembali untuk menyembah patung-patung berhala tersebut, mereka terperanjat dan terkejut apabila melihat kesemua patung-patung sembahannya hancur berselerakan di atas lantai. Lalu mereka bertanya sesama sendiri, siapakah yang melakukan kerja tersebut. Ini dinyatakan oleh Allah s.w.t melalui firmanNya:

قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذَا بِإِلَهِنَا إِنَّهُ لَمِنَ الظَّالِمِينَ.

Maksudnya: Mereka bertanya: “Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya adalah ia dari orang-orang yang zalim”. (Al-Quran, Al-Anbiya’ 21: 59)

Di antara mereka berkata, “Kami dengar ada seorang pemuda yang mencela berhala-berhala ini, namanya ialah Ibrahim”. Lalu diajukan perkhabaran ini kepada Raja Namrud. Dengan perasaan yang sangat marah, Namrud mengarahkan Ibrahim dibawa di penghadapan semua rakyat. Lalu mereka bertanya kepada Nabi Ibrahim (as). Firman Allah s.w.t:

قَالُوا أَنْتَ فَعَلْتَ هَذَا بِإِلَهِنَا يَا إِبْرَاهِيمُ.

Maksudnya: Setelah ia dibawa ke situ) mereka bertanya: “Engkaukah yang melakukan demikian kepada tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim?” (Al-Quran, Al-Anbiya’ 21: 62)

Nabi Ibrahim (as) menjawab:

قَالَ بْلَ فَعَلْتُهُ كَيْرُهُمْ هَذَا فَاسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطَفِعُونَ.

Maksudnya: Ia menjawab: “(Tidak) bahkan yang melakukannya ialah (berhala) yang besar di antara mereka ini! Maka bertanyalah kamu kepada mereka kalau-

kalau mereka dapat berkata-kata". (Al-Quran, Al-Anbiya' 21: 63)

Kemudian mereka menundukkan kepala seperti orang yang sedang malu. Ini dinyatakan dalam firman Allah s.w.t:

ثُمَّ نَكْسُوا عَلَى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عِلِّمْتَ مَا هُوَ لَاءٌ يَنْطِقُونَ.

Maksudnya: Kemudian mereka terbalik fikirannya kepada kesesatan, lalu berkata: "Sesungguhnya engkau (hai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka betapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?" (Al-Quran, Al-Anbiya' 21: 65)

Nabi Ibrahim (as) mencelah dengan mengatakan bahawa mengapakah kaumnya masih hendak menyembah berhala yang mereka buat sendiri dengan tangan-tangan mereka sedangkan mereka mengetahui bahawa berhala-berhala tersebut tidak dapat memberi manfaat atau mendatangkan sedikit pun kemudaran. Allah s.w.t. berfirman:

قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَنْحِثُونَ . وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ .

Maksudnya: (Bagi menjawab bantahan mereka), ia berkata: "Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat? "Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!". (Al-Quran, Al-Saffat 37: 95-96)

Raja Namrud dan pembesar lain merasa sangat marah apabila melihat perbuatan Nabi Ibrahim (as) yang menurut mereka sangat keterlaluan. Mereka membuat keputusan untuk membakar Nabi Ibrahim (as) hidup-hidup sebagai pengajaran atas tindakannya yang menghina dan menghancurkan tuhan-tuhan mereka. Raja Namrud mengarahkan para pengikutnya supaya mengumpulkan kayu-kayu api untuk membakar Nabi Ibrahim (as). Setelah kayu-kayu api dikumpulkan di tempat yang disediakan untuk upacara pembakaran, maka semua rakyat Raja Namrud datang beramai-ramai untuk menyaksikan pelaksanaan hukuman ke atas Nabi Ibrahim (as) (Abdul Wahab 2004: 46-47).

Setelah unggul api dibakar, mereka mencampakkan Nabi Ibrahim (as) ke dalamnya. Allah s.w.t menyelamatkan Nabi Ibrahim (as) dari sebarang malapetaka, di mana Allah s.w.t menyeru supaya api tersebut menjadi sejuk dan nyaman sehingga tidak dapat membakar tubuh Nabi Ibrahim (as). Nabi Ibrahim (as) selamat dalam unggul api yang besar tanpa merasa panas sedikit pun. Apabila api sudah padam, Nabi Ibrahim (as) keluar dengan selamat. Rakyat jelata berasa hairan dengan kejadian tersebut. Sesetengah daripada mereka terus beriman dengan agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim (as) dan sebahagian besar yang lain masih berada dalam kekufuran (Ahmad Ja'd Al-Mauwla 1979: 47). Firman Allah s.w.t.:

قَلُوا حَرَقُوهُ وَانصُرُوا إِلَهَنَّمْ إِنْ كُنْتُمْ فَاعْلِيَنَّ . فُلَّا يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَى إِبْرَاهِيمَ .

Maksudnya: (Setelah tidak dapat berhujah lagi, ketua-ketua) mereka berkata: "Bakarlah dia dan belalah tuhan-tuhan kamu, jika betul kamu mahu bertindak

membelanya! “Kami berfirman: “Hai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim!”. (Al-Quran, A-Anbiya’ 21: 68-69)

Menurut pendapat lain, setelah Allah s.w.t menyelamatkan Nabi Ibrahim (as) dari dibakar hidup-hidup, baginda bergerak pergi ke Harran, di Utara Mesopotamia yang terletak di antara hulu Sungai Dajilah (Tigris) dan Sungai Furat (Eupharates) (Shauqi Abu Khalil 2003: 52). Kemudian, baginda berpindah pula ke Palestin bersama-sama isterinya Siti Sarah dan diikuti oleh anak saudaranya, Nabi Lut (as) bersama-sama isterinya. Disebabkan kebuluran yang telah melanda negara Palestin pada ketika itu, maka pada abad ke 17M, mereka bergerak ke Mesir, yang mana pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Hyksos (Raja Gembala Kambing) (Hamka 1983: 153). Setelah mereka tinggal di sana dalam jangka masa yang lama, Nabi Ibrahim (as) dan Nabi Lut (as) telah kembali ke Palestin, dan kemudian Nabi Lut (as) memilih untuk berpisah dengan bapa saudaranya, Nabi Ibrahim (as) dan menuju ke kawasan selatan Laut Mati manakala Nabi Ibrahim (as) menuju ke B’ir Sheba dan membuat keputusan untuk tinggal di sana (Safiyu-Rahman Mubarapkuri 2002: 34).

Semasa Nabi Ibrahim (as) berada di sana, baginda telah berdakwah untuk menegakkan tauhid kepada Allah s.w.t dan memerangi berhala. Baginda terkenal sebagai seorang manusia yang telah menentang kebodohan dan kekafiran manusia dan seorang yang benar-benar berjiwa takwa dan berkredibiliti (Ali Shariati 1989: 31). Baginda juga dikenali sebagai ‘Khalil Allah’, bermakna orang yang sudah dekat hubungannya dengan Allah s.w.t. Nama Nabi Ibrahim (as) telah disebutkan di dalam Al-Quran sebanyak 69 kali (Shauqi Abu Khalil 2003:53). Pada ketika kisah ini berlaku, usia Nabi Ibrahim (as) telah pun mencencah 85 tahun (Hamka 1983: 95).

Isteri Nabi Ibrahim (as) bernama Siti Sarah, seorang wanita yang beriman serta setia pada suaminya. Semasa Siti Sarah muda, beliau merupakan seorang yang sangat jelita sehingga digilai oleh Raja Mesir (Muhammad Ahmad 1989: 68). Walaupun Nabi Ibrahim (as) dan Siti Sarah sudah lama berkahwin, namun mereka masih tidak dikurniakan anak. Walhal usia mereka sudah tua yang mana Nabi Ibrahim (as) berumur 85 tahun dan Siti Sarah berusia 76 tahun (Abu Bakar Siraj al-Din 1983: 1). Oleh yang demikian, Siti Sarah dengan ikhlas telah membenarkan Nabi Ibrahim (as) berkahwin dengan Siti Hajar, seorang dayang (keturunan Habsyah) yang berkulit hitam, yang dihadiahkan oleh Raja Mesir kepada Siti Sarah. Siti Hajar juga adalah seorang perempuan yang mulia, baik budi pekerti, lurus dan amanah. Dengan kebenaran daripada Siti Sarah, maka Nabi Ibrahim (as) berkahwin dengan Siti Hajar di Mesir. Pada suatu ketika, pertikaian telah tercetus di antara Siti Sarah dan Siti Hajar. Siti Hajar telah berdoa kepada Tuhan untuk membantunya bagi menyelesaikan kesulitan yang sedang dihadapinya (Hamka 1983: 153).

Allah s.w.t memakbulkan doanya dengan menghantar seorang malaikat. Malaikat itu telah berpesan kepada Siti Hajar, bahawa baginda akan dikurniakan seorang anak lelaki, dan anak itu hendaklah dinamakan ‘Ismail’ (yang bermaksud ‘Mendengar’) (Abu Bakar Siraj al-Din 1983: 1). Peristiwa tersebut telah disampaikan oleh Siti Hajar kepada suaminya, Nabi Ibrahim (as) dan madunya, Siti Sarah. Mereka merasa sangat gembira menerima perkhabaran baik itu. Nabi Ibrahim (AS) menamakan bayi itu dengan nama Ismail seperti yang diperintahkan oleh Allah s.w.t (Bey Ariffin 1991: 60).

Kegembiraan Siti Sarah tidak lama. Hatinya mulai didatangi perasaan cemburu dan iri hati terhadap Siti Hajar hingga Siti Sarah tidak tahan untuk memandang wajah Siti Hajar dan anaknya, Ismail. Perkara ini telah disampaikan kepada Nabi Ibrahim (as) yang mana Siti Sarah mengusulkan agar madunya, Siti Hajar dan anaknya, Ismail mestilah dibawa pergi sejauh yang boleh sehingga beliau tidak mahu lagi mendengarkan khabar mengenai mereka. Allah s.w.t telah memerintahkan Nabi Ibrahim (as) agar membawa isterinya, Siti Hajar dan anaknya, Ismail ke Bakkah (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 31). Dengan penuh dukacita, Nabi Ibrahim (AS) membawa isteri dan anaknya yang masih bayi keluar dari Palestin lalu mengembara selama empat puluh hari perjalanan dengan menunggang unta. Siti Hajar hanya menurut ke mana sahaja destinasi yang dituju oleh suaminya (Muhammad Ahmad 1989: 73).

Akhirnya, sampailah mereka di sebuah lembah yang dinamakan Bakkah, yang ketika itu dalam keadaan hening, seram dan kering dan tanpa dihuni oleh seorang manusia pun. Lembah ini merupakan laluan kafilah-kafilah perdagangan yang dikenali sebagai kawasan ‘*Arabia Fleix*’ dengan membawa barang dagangan seperti minyak wangi, gaharu, cendana, dan barang pakaian dan makanan dari selatan Tanah Arab ke Laut Mediterranean. Dengan berbekalkan buah-buah kurma kering di dalam sebuah beg sebagai makanan dan sebuah bekas air di dalam kulit using (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 68). serta doa kepada Allah s.w.t, maka Nabi Ibrahim (as) dengan sedihnya meninggalkan isteri dan anaknya yang masih menyusu di lembah tersebut berhampiran dengan Bait Allah (Kaabah) didirikan, di bawah pohon *dauhah* (Imam al-Bukhari Jilid 3: 194).

Sebelum Nabi Ibrahim (as) meninggalkan Siti Hajar dan anaknya di lembah Bakkah, Siti Hajar menangis seraya merayu sambil memegang tali kekang unta yang mahu dipacu suaminya, lalu berkata, “Ya, Ibrahim! Ke manakah pula engkau hendak pergi! Kenapa kami ditinggalkan di sini, di tempat yang menakutkan, tiada manusia dan tiada apa-apa pun?” Siti Hajar berharap agar Nabi Ibrahim (as) bersimpati dengan beliau dan anaknya yang masih menyusu itu. “Siapakah yang akan mempertahankan kehidupan kami dari serangan binatang-binatang buas, dari panas terik matahari, dari lapar dan dahaga, dari angin yang sangat dingin pada waktu malam”.

Nabi Ibrahim (as) dengan sedih menjelaskan kepada Siti Hajar bahawa semua itu adalah dengan perintah Allah s.w.t. Apabila mendengar penjelasan suaminya, maka fahamlah Siti Hajar lalu berkata, “Wahai suamiku! Sekarang baru saya mengerti, Allah s.w.t tidak akan mensia-siakan hambanya.” Selepas itu Nabi Ibrahim (as) pun beredar bersendirian meninggalkan isteri dan anak yang dikasihi, tanpa bekalan makanan dan minuman yang secukupnya, demi melaksanakan perintah Allah s.w.t. (Bey Ariffin 1991: 61).

Apabila baginda sudah jauh dari lembah Bakkah, maka baginda pun singgah sebentar di Ath-Thaniyah (satu jalan di lereng gunung), lalu beliau berdoa kepada Allah s.w.t:

رَبَّنَا إِنَّيْ أَسْكَنْتُ مِنْ دُرْرَيْتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي رَزْعٍ عَنْ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعُلْ أَفْدَدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِنَ التَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ.

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya

mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur". (Al-Quran, Ibrahim 14: 37)

Apabila bekalan makanan dan minuman Siti Hajar telah habis, kedua-dua ibu dan anak ini merasa lapar dan dahaga. Ismail menangis kerana kelaparan susu. Tangisan Ismail semakin lama semakin berkurangan kerana kepenatan dan tidak berdaya lagi. Matahari memancar sehingga mengeluarkan bahang yang sangat panas. Siti Hajar meletakkan anaknya, Ismail yang makin lemah itu di bawah sepohon *dauhah* sambil air matanya membasahi pipi. Maka berlari-larilah Siti Hajar dari Bukit Safa ke Bukit Marwah (jaraknya lebih kurang 0.4 kilometer) mencari bantuan bagi mendapatkan bekalan air (Husseiny Zamburi 2009: 10-11).

Pada masa itu, tiada seorang manusia pun yang berada di kawasan yang tandus, panas dan gersang itu. Setelah tujuh kali berulang-alik dan tidak berhenti-henti meminta bantuan dan berdoa kepada Allah s.w.t, naik dan turun dari satu bukit ke satu bukit, beliau pun kepenatan, lalu terduduklah Hajar di kaki bukit Marwah. Dalam keadaan penat dan lelah berserta sedih itu, beliau pasrah kepada Allah s.w.t. Akhirnya Allah s.w.t Maha Mendengar lagi Maha Mengasihani telah mengutuskan seorang Malaikat kepada Siti Hajar untuk memberitahunya bahawa Allah s.w.t telah perkenankan doa beliau serta telah mendengar rintihan suara seorang hamba yang menangis (Husseiny Zamburi 2009: 11).

Apabila Siti Hajar menghampiri Malaikat yang ketika itu berada berdekatan dengan anaknya, beliau melihat malaikat tersebut sedang menggali dengan sayapnya sehingga keluarlah air dari bumi. Siti Hajar membendung air tersebut dengan tangan beliau lalu diletakkan ke dalam tempat air. Terdapat penulis mengatakan bahawa beliau telah membendung air itu seraya berkata, "Zamzam! Zamzam!" dengan gembira serta mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t kerana melihat air keluar dan mengalir dengan banyak dari perut pasir yang hampir dengan tumit anaknya. Maka minumlah Siti Hajar dengan sepuas-puasnya, kemudian beliau pun menyusukan anaknya (Muhammad Ahmad 1989: 75).

Kawasan itu dinamakan Zamzam kerana Siti Hajar membendung (Zummat) air itu dengan pasir kerana air itu mengalir ke kiri dan ke kanan. Kalauolah beliau tidak membendung air itu, nescaya air tersebut akan membasahi dan mengalir ke seluruh kawasan lembah itu. Zamzam dikenali sebagai Al-Shabba'ah, Barrah, Tibah, Bushra, 'Awnah, Sufiyah, Sharab Al-Abrar dan Mudnunah. Dengan adanya air Zamzam ini, kurniaan dari Allah s.w.t yang tidak putus-putus mengalir itu, maka lembah Bakkah telah dijadikan sebagai tempat perhentian kafilah-kafilah perdagangan dan pengembara untuk berehat dan mendapatkan bekalan air (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 73).

Nabi Ibrahim (as) berasa sangat rindu untuk bertemu dengan Siti Hajar dan Ismail. Baginda membuat keputusan untuk kembali ke Bakkah bagi mencari keluarganya. Apabila baginda sampai di Bakkah, baginda mendapati bahawa Bakkah telah bertukar dari lembah yang sunyi, gersang dan seram kini telah menjadi sebuah perkampungan yang dipenuhi dengan ramai penduduk. Dalam pencariannya itu, maka bertemu lah Nabi Ibrahim (as) dengan anak dan isterinya di bawah sepohon pokok, berhampiran dengan Perigi Zamzam. Ketika

mereka mahu kembali ke Bakkah, mereka telah singgah bermalam di sebuah tempat yang kini dikenali sebagai Muzdalifah (Bey Ariffin 1991: 64-65).

Pada malam itu Nabi Ibrahim (as) telah bermimpi bahawa Allah s.w.t telah memerintahkannya untuk mengorbankan anaknya, Ismail. Baginda baru sahaja bertemu dengan anaknya yang baru membesar dan sangat disayanginya itu, kini telah diperintahkan pula oleh Allah s.w.t untuk disembelih. Termenunglah Nabi Ibrahim (as) lalu akhirnya baginda telah membuat keputusan untuk memberitahu anaknya sendiri mengenai perintah daripada Allah s.w.t itu (Husseiny Zamburi 2009: 13).

Nabi Ibrahim (as) melaksanakan perintah Allah s.w.t dengan keteguhan hati dan Ismail dengan rela menurut kehendak ayahnya dan TuhanNya. Mereka berangkat ke sebuah gunung di daerah yang dikenali sebagai Mina. Al-Quran telah menceritakan peristiwa ini melalui ayat 101-111 dalam surah As-Saffat:

فَبَشَّرْنَاهُ بِغَلَامٍ حَلِيمٍ. فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى ۝ قَالَ يَا أَبَتِ افْعُلْ مَا تُؤْمِنُ سَتَحْدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ. فَلَمَّا أَسْلَمَ وَتَلَهُ لِلْجَبَّارِينَ. وَنَادَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ قَدْ صَدَقْتِ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَحْزِي الْمُحْسِنِينَ. إِنَّ هَذَا لَهُ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ. وَفَدِيَتَاهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ. وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخَرِينَ. سَلَامٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، كَذَلِكَ نَحْزِي الْمُحْسِنِينَ. إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ.

Maksudnya: “Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang penyabar. Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar. Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan irungan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim - dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami). Serta Kami menyerunya: “Wahai Ibrahim! “Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu”. Demikianlah sebenarnya Kami membala orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata. Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar. Dan Kamikekalkan baginya (nama yang harum) dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian. “Salam sejahtera kepada Nabi Ibrahim!”. Demikianlah Kami membala orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu dari hamba-hamba Kami yang beriman”. (Al-Quran, As-Saffat: 101-111)

Akhirnya mereka sampai di kaki sebuah bukit di Mina yang dinamakan sebagai Bukit ‘Malaikat’. Semasa sedang membuat persiapan untuk melakukan upacara penyembelihan dan mata pedang sudah diletakkan di leher Ismail, terdengar satu suara yang jelas dari puncak bukit tersebut, menyatakan, “Wahai Ibrahim, sesungguhnya engkau sudah siap untuk melaksanakan perintah Tuhan dalam mimpimu. Kami akan memberi ganjaran setimpal

dengan ketaatanmu.” Nabi Ibrahim (as) tersentak, seraya menoleh ke arah suara itu, lalu baginda melihat seorang malaikat sedang turun merapati mereka bersama seekor kibas yang besar (Bey Ariffin 1991: 67). Malaikat itu berkata, “Wahai Ibrahim, sembelihlah kibas ini sebagai pengganti anakmu Ismail, makanlah dagingnya, jadikanlah hari ini sebagai hari raya bagimu dan bersedekahlah sebahagian dari dagingnya untuk fakir miskin sebagai korban”. Daripada peristiwa ini, Ismail dikenali sebagai Adh-Dhabih (Yang dikorbankan).

## PERINTAH MEMBINA KAABAH

Allah s.w.t telah memerintahkan Nabi Ibrahim (as) untuk mendirikan kembali sebuah rumah ibadat yang suci (Kaabah) di atas muka bumi bagi kegunaan manusia selepas pembinaan Kaabah yang dilakukan oleh Nabi Adam (as) mengalami kerosakan akibat daripada banjir besar yang berlaku di Makkah. Oleh itu, selepas Nabi Ibrahim (as) mengembara ke seluruh pelusuk kawasan Timur Tengah, menemui rombongan-rombongan manusia dan mengajak mereka berpegang pada agama yang benar, menyembah Allah s.w.t, kemudian barulah baginda ke lembah Bakkah mencari kembali isteri dan anaknya (Bey Ariffin 1991: 69).

Baginda bertemu Ismail yang sedang menajamkan anak-anak panah di bawah sepohon pokok, berhampiran dengan Perigi Zamzam. Setelah mereka bertemu, Allah s.w.t telah memerintahkan Nabi Ibrahim (as) dan Ismail (as) untuk mempertinggi asas “Bait Allah” atau Kaabah berhampiran dengan Perigi Zamzam (Abu Bakar Siraj al-Din 1983: 3; Hamka 1983: 154). Perintah tersebut disampaikan dengan spesifik yang mana dinyatakan tempat, bentuk, arah dan sebagainya. Ismail (as) dikatakan membawa batu-batu dan Nabi Ibrahim (as) membinanya. Kisah ini telah dinyatakan dalam surah Al-Baqarah, ayat 125 dan 126:

وَإِذْ حَعْلَنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمَّا وَأَنْجَدُوا مِنْ مَقَامٍ إِبْرَاهِيمَ مُصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهَّرَا بَيْتِي لِلطَّائِفَيْنَ وَالرُّكْعَ السُّجُودَ. وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي اجْعُلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ النَّمَراتِ مِنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتَعِهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرْهُ إِلَى عَذَابِ النَّارِ وَبِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh Kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): “Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang berikhtikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud”. Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka”. Allah berfirman:” (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki sementara, kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali”. (Al-Baqarah 2: 125-126)

## PROSES PEMBINAAN KAABAH

Allah s.w.t telah memberitahu bagaimana caranya “Rumah Ibadat” yang juga dikenali sebagai “al-Bait al-Atiq” itu mahu dibina. Perkataan Kaabah itu sendiri bermaksud ‘kubus’ kerana bentuknya empat persegi. Pada awalnya, Kaabah tidak mempunyai bumbung dan pintu masuk (Muhammad Isa Selamat 1997: 208) dan setiap penjuru mengarah ke utara, ke selatan, ke timur, dan ke barat (Abu Bakar Siraj al-Din 1983: 3). Menurut Al-Azraqi yang mendapat maklumat daripada Abu Nujaih mengatakan, “Ia dipanggil Kaabah disebabkan ia ‘berbentuk kiub’ (Muka’ab), iaitu bentuk ‘kubus’ (Ka’b). Ia juga dipanggil empat segi (Murabba). Menurut Ikrimah dan Mujahid, “Ia dikenali sebagai Kaabah kerana kedudukannya di atas timbunan yang tinggi dari tanah (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 29). Bangunan ini diperbuat daripada batu-batu kasar hitam dari ‘Ajun’ (bukit-bukit berhampiran Mekah), tersusun dengan cara yang sederhana, dicantumkan dengan kapur putih dan mempunyai ruang persegi yang kosong (Ali Shariati 1989: 18).

Pembinaan semula Kaabah dilakukan oleh Nabi Ibrahim (as) dan dibantu oleh anaknya, Nabi Ismail (as) manakala Malaikat Jibrail sebagai ‘juruteranya’. Nabi Ibrahim (as) meminta pertolongan anaknya mengangkat batu-batu, bukit kecil yang bertimbun dan batu-batu yang dilindungi oleh tanah-tanah merah. Semasa membinanya, Nabi Ibrahim (as) berdiri di atas sebuah batu yang terangkat tinggi oleh Allah s.w.t Batu itu dipanggil sebagai Maqam Ibrahim yang masih terjaga sehingga kini. Ismail membantu ayahnya dengan menghulurkan batu-batu. Nabi Ibrahim (as) menggali untuk membuat asas Kaabah mengikut asas yang telah dibuat oleh Nabi Adam (as) terdahulu dengan menggunakan batu-batu dari kelima-lima bukit yang sama iaitu dari bukit-bukit Hira’, Tsabir, Labanan, Thur dan Khair (Muhammad Ilyas Abdul Ghani 2004: 52).

Tetapi mengikut setengah ulama, batu pembinaan Nabi Ibrahim (as) adalah dari enam bukit iaitu: (1) Bukit Abi Qubais di Mekah (2) Bukit Tursina di Syam (3) Bukit Al-Qudus di Syam (4) Bukit Warifan (Bukit di antara Madinah dan Mekah, kadar jauhnya dua marhalah) (5) Bukit Ridhwa dan (6) Bukit Uhud di Madinah. Batu-batu dari bukit ini dibawa oleh para Malaikat. Semasa pembinaan semula Kaabah dilakukan, awan yang berupa seperti ular dan mempunyai dua sayap satu kepala telah datang melingkung Kaabah dan Allah s.w.t menurunkan wahyu kepada Nabi Ibrahim (as) supaya membuat binaan mengikut lingkaran awan itu (Mohd Zaini 2014).

Nabi Ibrahim (as) membina dua sudut iaitu sudut Yamani dan sudut Hajaratul-Aswad. Binaan Nabi Ibrahim (as) tidak beratap dan mempunyai dua buah pintu. Sebuah pintu di sebelah matahari naik dan pintu kedua di sebelah matahari terbenam. Kedua-dua pintu tidak bertangga dan tiada penutup. Baginda membuat sebuah telaga di dalam Kaabah bagi menyimpan hadiah-hadiah yang diberikan kepada Kaabah. Tinggi Kaabah pada ketika itu ialah sembilan hasta dan panjang dari sebelah matahari naik iaitu daripada sudut Hajratul-Aswad ke sudut yang mengiringi Hijr Ismail ialah 32 hasta dan ke sudut Yamani 20 hasta. Dari sebelah matahari naik kepada matahari terbenam pada sebelah utara mengiringi Hijr Ismail ialah 22 hasta (Mohd Zaini 2014).

Apabila bangunan ini telah siap dibina dan Hajar Aswad diletakkan di tempat yang telah diarahkan (di timur Kaabah), maka Nabi Ibrahim (as) telah diperintahkan oleh Allah s.w.t untuk melakukan tawaf di keliling Kaabah. Dengan itu, Nabi Ibrahim (as) dan Nabi

Ismail (as) pun bertawaf sambil mengucapkan seperti yang dinyatakan dalam surah Al-Baqarah ayat 127 hingga 129:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلَ رَبَّنَا تَقَبَّلَ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْغَلِيمُ. رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنَ لَكَ وَمَنْ ذُرَّبَنَا أَمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرَنَا مَسِيْكَنًا وَثُبَّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ. رَبَّنَا وَاجْعَلْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَةَ وَيُرَيِّكُهُمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. “Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”. “Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 127-129)

Selepas itu, Nabi Ibrahim (as) berdoa kepada Allah s.w.t dalam surah Ibrahim ayat 35 hingga 41:

وَقُلْنَا يَا آدُمَ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغْدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تُقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَقَنَّوْنَا مِنَ الظَّالِمِينَ. فَأَرَلَهُمَا السَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقْرٌ وَمَتَاعٌ إِلَى حِينٍ. فَلَمَّا قَاتَلَ آدُمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ قَتَلَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ. فَلَمَّا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مَنِي هُدًى فَمَنْ تَبَعَ هُدًى يَلْهُو فَلَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْرُثُونَ. وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَبَّوَا بِإِيمَانِنَا أَوْلَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا حَالِوْنَ. يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ ادْكُرُوا نِعْمَتِي الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أَوْفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّايَ فَارْهُبُونَ. وَآمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أُولَئِكَ كَافِرُ بِهِ وَلَا تَشْتَرُوا بِإِيمَانِنِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاقْتَلُونَ.

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Makkah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah daku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Wahai Tuhanku, berhala-berhala itu telah menyebabkan sesat banyak di antara umat manusia. Oleh itu, sesiapa yang menurutku (dalam Islam yang menjadi peganganku) maka ia adalah dari golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepadaku (dengan menyalahi ugamaku), maka sesungguhnya engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (kiranya ia insaf dan bertaubat). “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman

padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur. “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau mengetahui akan apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami zahirkan; dan tiada sesuatu pun di langit dan di bumi, yang tersembunyi kepada Allah! “Segala puji tertentu bagi Allah Yang telah mengurniakan kepadaku semasa aku tua: Ismail dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar dan Memperkenan doa permohonan. “Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenanlah doa permohonanku. “Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan”. (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 35-41)

Apabila Nabi Ismail (as) telah meningkat dewasa, baginda berkahwin dengan seorang puteri dari kaum Jurhum. Kemudian baginda telah menceraikan isterinya kerana ayahnya tidak berkenan dengan perempuan yang tidak tahu merahsiakan hal rumahtangganya. Nabi Ibrahim (as) menasihatkan anaknya supaya ‘menggantikan pasak rumahnya’ (Muhammad Ahmad 1989: 81). Apabila Nabi Ismail (as) berkahwin kali kedua, barulah Nabi Ibrahim (as) bersetuju dengan budi pekerti isteri barunya itu. Tidak berapa lama selepas itu, Siti Hajar kembali ke rahmatullah meninggalkan Ismail (as) dalam kesedihan (Muhammad Ahmad 1989: 80).

Berabad-abad lamanya Bakkah itu sentiasa didatangi dan dikunjungi manusia dari seluruh penjuru Tanah Arab untuk beribadat menyembah Allah s.w.t dengan melakukan tawaf, iktikaf, rukuk dan sujud (Bey Ariffin 1991: 71). Tidak berapa lama selepas itu, Nabi Ibrahim (as) pun wafat dan dimakamkan di bandar Al-Khalil (Hebron) di Palestin (Shauqi Abu Khalil 2003: 34). Nabi Ismail (as) telah wafat di Makkah dan dimakamkan di sana (Shauqi Abu Khalil 2003: 73).

## **MAQAM IBRAHIM**

Semakin lama dinding-dinding Kaabah itu didirikan, maka ia semakin meninggi sehingga kedua-dua tangan Nabi Ibrahim (as) tidak boleh lagi sampai untuk menyempurnakan kerja-kerja yang lebih tinggi dari paras baginda berdiri. Tambahan pula, kekuatannya tidak lagi mampu mengangkat batu-batu lebih atas dari had bagi tujuan menyempurnakan bangunan tersebut. Oleh itu, baginda meminta pertolongan anaknya bagi mencari sebuah batu besar untuk dijadikan tempat berpijak bagi membolehkan beliau menyiapkan kerja-kerja di bahagian dinding-dinding Kaabah.

Maka Nabi Ismail (as) segera mencari sebongkah batu besar seperti yang dikehendaki oleh ayahnya. Akhirnya, baginda berjaya memperolehi sebongkah batu berwarna hitam (Al-Maqam) maka di atas batu itulah Nabi Ibrahim (as) berdiri bagi meneruskan kerja-kerjanya.

Menurut beberapa orang pengarang, yang dikatakan “Maqam” itu adalah tempat berpijaknya kaki-kaki Nabi Ibrahim (as) di atas batu itu, dan kini hanya terdapat bekas-bekas jejak telapak kakinya sahaja. Abu Talib pernah berkata, “Jejak telapak kaki Ibrahim itu ialah jejak kaki tanpa alas” (Muhammad Ahmad 1989: 84).

Satu riwayat yang dikisahkan oleh sahabat Jahm bin Hudzaifah al-Qursyi yang telah menyaksikan pembinaan semula Kaabah oleh puak Quraisy menyatakan bahawa Ibn Zubair telah berkata, “Sungguh, aku tidak pernah melihat sesuatu yang mirip seperti miripnya telapak kaki Nabi Muhammad s.a.w dengan telapak kaki Ibrahim yang kita lihat di Maqam”. Sejarawan Thahir al-Kurdi menjelaskan bahawa jejak telapak kaki itu masing-masing memiliki ukuran dalamnya 22sm dan 9sm, dengan panjangnya 22sm, dan lebarnya 11sm (Husseiny Zamburi 2009: 35).

## HAJARUL ASWAD

Diriwayatkan bahawa Hajarul Aswad adalah sebuah batu putih ‘seperti putihnya susu’ yang telah dibawa oleh Malaikat ke Bukit Al-Kubeis. Batu ini dikatakan asalnya dari batu mulia (yaqt) dari syurga dan tersimpan di atas bukit tersebut. Kemudian setelah diletakkan di penjuru Kaabah sejak zaman Nabi Ibrahim (as), warnanya telah bertukar menjadi hitam akibat daripada dosa anak-anak Adam (Abu Bakar Siraj al-Din 1983: 1). Mengenai Hajarul Aswad, Rasulullah s.a.w telah bersabda, “Hajar Aswad itu diturunkan dari syurga, warnanya lebih putih dari susu, dan dosa-dosa anak cucu Adamlah yang menjadikannya hitam”. Dalam satu peristiwa semasa membaiki Kaabah, hal ini telah disaksikan oleh Mujahid yang memaklumkan bahawa bahagian batu yang tertanam di dinding Kaabah itu masih (pada masa itu) berwarna putih. Dia telah berkata, “Ketika Ibn Zubair membaiki Kaabah, saya melihat ke hujung di mana terdapat Hajar Aswad, dan ternyata semua bahagian di dalam Kaabah itu berwarna putih” (Muhammad Ilyas Abdul Ghani 2004: 62).

Ramai penulis dan pengkaji dari Timur dan Barat telah membincangkan mengenai Hajar Aswad. Pendapat-pendapat mereka itu telah dirumuskan oleh Prof. Dr. Muhammad Ghallab, “Seorang ulama Islam yang terkenal, Abu ‘Alla Al-Ma’arrifi telah menganggap Hajar Aswad adalah sebagai peninggalan berhala dan patung-patung. Ada pula yang memandangnya sebagai salah satu pusaka warisan tradisional suku kaum Quraisy. Manakala golongan ketiga pula berpendapat bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah memelihara batu ini dan telah memerintahkan kaum muslimin untuk mengagungkannya, sebagai lambang mengekalkan kenang-kenangan kepada Nabi Ibrahim (as) (Muhammad Ghallab 1986: 235).

Golongan keempat pula menganggap bahawa batu tersebut merupakan peringatan kepada peristiwa terusirnya Nabi Adam (as) dari syurga. Golongan kelima beranggapan bahawa batu itu adalah sebuah batu *Syurga Firdaus* yang telah gugur kerana beberapa sebab, lalu ditempatkan di situ dan waktu jatuh buat pertama kalinya, dia merupakan sebuah permata mutiara yang putih bersih. Prof Dr. Muhammad Ghallab merumuskan pendapatnya dengan berkata, “Batu Hitam ‘Hajar Aswad’ itu hanyalah merupakan lambang yang simbolik dari salah satu rahsia kebesaran Tuhan” (Muhammad Ghallab 1986: 235).

Antara penulis dari Barat yang memperkatakan hal berkaitan batu Hajar Aswad ialah Wolfram von Eisenbach dan Pierre Bonsoir. Wolfram von Eisenbach telah menyebut tentang cerita-cerita yang telah dijumpai oleh seorang sarjana Kristian dalam dokumentasi tulisan

tangan orang-orang Arab di Toledo (Sepanyol) dan pengarangnya adalah seorang ahli fisik Muslim yang dikenali sebagai “Filijitanis” (Al-Falakus Tsani, yang bermaksud Falah yang kedua) telah mendalamai ilmu pengetahuannya tentang perbintangan dan ilmu falak. Beliau dikatakan telah membaca nama sebuah benda keramat di dalam susunan bintang-bintang dan di antaranya, dia telah mendapatkan adanya nama “Al-Hajaratul-Aswad” (Muhammad Ghallab 1986: 240).

Menurut keterangan darinya, serombongan Malaikat telah membawa turun batu tersebut ke dunia, dan setelah itu mereka mengembalikannya semula ke langit. Semenjak batu itu berada di bumi, telah ditentukan orang-orang yang bertugas untuk menjaga batu tersebut. Orang-orang itu terdiri dari mereka yang betul-betul suci murni hatinya, dan darjat mereka hampir sama dengan para malaikat. Pierre Bonsoir pula berpendapat bahawa benda keramat itu adalah lambang dari ‘ada’nya Tuhan di dunia ini (Muhammad Ghallab 1986: 238).

Mengikut satu kisah yang dinyatakan oleh seorang penulis tempatan, Muhammad Isa Selamat, apabila pembinaan Kaabah selesai ditinggikan, ternyata Nabi Ibrahim (as) masih merasakan kekurangan sebuah batu lagi untuk diletakkan di Kaabah. Lalu baginda telah meminta Ismail (as) mencari sebuah batu sebagai petanda bagi manusia. Oleh itu, Nabi Ismail (as) pun pergi dari satu bukit ke satu bukit untuk mencari batu yang terbaik dan sesuai. Ketika mencari-cari batu, Malaikat Jibrail datang kepada Nabi Ismail (as) dan memberikan sebuah batu yang cantik. Nabi Ismail (as) pun membawa batu itu kepada Nabi Ibrahim (as). Melihat batu yang cantik itu, Nabi Ibrahim (as) pun menciumnya beberapa kali. Kemudian Nabi Ibrahim (as) bertanya, “Dari mana kamu dapat batu ini?” Nabi Ismail (as) menjawab, “Batu ini saya terima daripada orang yang tidak memberatkan cucuku dan cucumu (Jibrail)”. Nabi Ibrahim (as) mencium lagi batu itu dan diikuti Nabi Ismail (as) (Muhammad Isa Selamat 1997: 208).

Mengikut apa yang dijelaskan oleh penulis Syeikh Safiyu-Rahman pula, dia menyatakan bahawa setelah Nabi Ibrahim (as) mendirikan Kaabah, baginda mendapati kekurangan sebuah batu. Pada masa itu Nabi Ismail (as) mahu pergi untuk mendapatkan sesuatu, lalu Nabi Ibrahim (as) berpesan, “Tolonglah dapatkan ayah sebuah batu seperti yang ayah nyatakan”. Dengan itu, Nabi Ismail (as) pun pergi mencari-cari batu seperti yang dikehendaki oleh ayahnya. Setelah diperolehi, baginda pun kembali dengan membawa sebuah batu (Mubarakpuri 2002: 67).

Bagaimanapun, apabila dia kembali berada di hadapan ayahnya, Ismail (as) mendapati bahawa ayahnya telah pun memiliki sebuah batu dan telah meletakkan batu itu di tempatnya. Dia bertanya, “Wahai ayahku, siapakah yang membawa batu itu kepada ayah?” Nabi Ibrahim (as) menjawab, “Ia telah dibawa kepadaku oleh seseorang yang tidak hanya mengharapkan engkau untuk membinanya. Ia telah dibawa kepadaku oleh Jibrail dari syurga” (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 67).

Setelah Kaabah selesai dibina, maka Allah s.w.t telah ajarkan kepada Nabi Ibrahim (as) dan Ismail (as) bagaimana mengerjakan ibadat-ibadat terhadap Tuhan mereka. Nabi Ibrahim (as) telah berdoa dalam surah Ibrahim ayat 37 dan surah al-Baqarah ayat 129:

رَبَّنَا إِنَّيْ أَسْكَنْتُ مِنْ دُرَيْتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي رَزْعٍ عَنَّ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعُلْ أَفْنَدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِنَ النَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ.

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur”. (Al-Quran, Ibrahim 14: 37).

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَنْذُرُ عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُرَكِّبُهُمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

Maksudnya: “Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 129)

Sejak zaman Nabi Ibrahim (as) lagi, Hajar Aswad telah tertanam di sudut selatan Kaabah pada ketinggian lebih kurang 1.10 meter dari tanah. Panjangnya berukuran 25 sentimeter dan lebarnya lebih kurang 17 sentimeter. Pada awalnya, Hajar Aswad merupakan satu bongkah batu sahaja, tetapi lama-kelamaan batu tersebut menjadi lapan cantuman batu-batu kecil yang licin kerana pernah terpecah dalam kejadian yang berlaku pada tahun 319H, pada zaman Qaramithah, di mana pengikut daripada Abu Thahir al-Qarmathi dari puak Syi'ah Islamiyyah al-Batiniyah telah mencabut Hajar Aswad lalu membawanya ke Ihsa. Bagaimanapun pada tahun 339H, ia telah dikembalikan semula dan diletakkan di tempat asal. Ketulan batu yang terbesar yang masih kelihatan lagi, adalah lebih kurang bersaiz sebiji buah kurma yang besar yang tertanam pada bongkah batu yang besar dan dibingkaikan dengan ikatan perak (Muhammad Ilyas Abdul Ghani 2004: 61).

Bagi sesiapa yang melakukan tawaf di Kaabah disunatkan mencium Hajar Aswad dan sekiranya tidak dapat menciumnya kerana bilangan orang yang terlalu ramai, cukuplah dengan hanya melambaikan tangan ke arahnya sahaja, kemudian mengucup tangan tersebut. Hal ini kerana, mencium Hajar Aswad merupakan salah satu sunnah. Khalifah Umar bin Al-Khattab pernah berkata, “Aku tahu, sesungguhnya engkau hanyalah batu biasa yang tidak membahayakan dan tidak pula dapat memberi manfaat. Seandainya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w menciummu, sudah tentu aku tidak akan melakukannya” (Muhammad Isa Selamat 1997: 209).

Hajar Aswad telah dikucup oleh Rasulullah s.a.w dan para nabi sebelum baginda serta orang-orang yang soleh, para-para haji dan Mu'tamirin di sepanjang zaman. Hajar Aswad juga dijadikan sebagai tempat permulaan dan berakhirknya kerja-kerja tawaf. Keutamaan Hajar Aswad ialah pada hari Kiamat kelak, ia akan menjadi saksi bagi orang-orang yang melambai ataupun mengucupinya seperti yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda, “Demi Allah, dia akan mengutuskannya pada Hari Qiamat kelak, dengan dua

matanya ia akan melihat dan dengan lidahnya ia akan memberikan kesaksian atas siapa sahaja yang melambai atau mengucup dengan kebenaran” (Muhammad Ilyas Abdul Ghani 2004: 63).

### Hijr Ismail (Al-Hathim)

Hijr Ismail merupakan satu bangunan yang terbuka, berbentuk melengkung melingkari separuh bulatan di kawasan barat laut, di luar Kaabah. Potongan melengkung ini mula dilakukan sejak zaman pembinaan semula Kaabah oleh puak Quraisy. Pada awalnya, ia berbentuk lingkaran bulatan yang penuh. Dengan tinggalan yang separuh itu, maka ia dinamakan sebagai *Hathim*, yang bermaksud “terpotong”. Pada zaman Nabi Ibrahim (as), tempat terpotong ini dikatakan adalah tempat sebuah pondok yang diperbuat daripada batang-batang pepohon berdahan lebat yang diduduki oleh Ismail (as) dan ibunya, Siti Hajar (Husseiny Zamburi 2009: 39-40).

Bahagian Hathim ini adalah sebahagian dari Kaabah. Menurut Saidatina Aisyah r.a yang dipetik daripada An-Nasa’I, “Saya mahu memasuki Kaabah untuk bersolat di dalamnya, Rasulullah s.a.w telah memimpin saya dengan tangan baginda untuk memasuki Hijr, seraya bersabda, “Sekiranya engkau mahu memasuki Kaabah, solatlah di sini, kerana ia adalah sebahagian dari Kaabah, tetapi kaummu yang mengurangkan kawasannya semasa ia dibina semula dahulu”. Ada sebuah riwayat daripada Al-Bukhari yang telah menyatakan bahawa Saidatina Aisyah r.a telah bertanya berkaitan Hijr Ismail itu dengan berkata, “Apakah ia sebahagian dari Rumah Suci ini?” Nabi Muhammad s.a.w menjawab, “Betul!” Kemudian Aisyah r.a bertanya lagi, “Mengapa mereka tidak memasukkan sekalian sisinya ke Kaabah?” Nabi Muhammad s.a.w menjawab, “Sebab kaummu kekurangan wang” (Muhammad Ilyas Abdul Ghani 2004: 67).

Semasa zaman Nabi Ibrahim (as) dan Ismail (as), perintah untuk mengerjakan tawaf dan Sa’i mula dilaksanakan. Ini dibuktikan dalam surah Al-Hajj ayat 26 dan 27:

وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَن لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا وَطَهُرْ بَيْتِي لِلطَّائِفَيْنَ وَالْقَائِمَيْنَ وَالرُّكْعَ السُّجُودَ.  
وَأَدْنَى فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجَّ عَيْقِي.

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): “Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumahKu (Kaabah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang). “Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Hajji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (ceruk dan rantau) yang jauh”. (Al-Quran, Al-Hajj: 26-27)

Ada beberapa penulis mengatakan bahawa Nabi Ismail (as) telah dimakamkan bersebelahan ibunya di Hijr ini. Mengikut Syeikh Safiyu-Rahman Mubarapkuri, “Laporan itu adalah lemah. Ini dibuktikan, semasa pembinaan semula Kaabah oleh puak Quraisy, para

sahabat Nabi Muhammad s.a.w yang berada sama pada masa tersebut, tidak seorang pun yang melaporkan tentang adanya kesan perkuburan di situ. Kalau-lah benar adanya makam Ismail (as) dan Siti Hajar di tempat tersebut, sudah pasti Nabi Muhammad s.a.w melarang memijaknya dan duduk di atas kawasan Hijr itu” (Safiyu-Rahman Mubarakpuri 2002: 62-63).

## KESIMPULAN

Pelbagai kesusahan dan kesukaran yang dialami oleh Nabi Ibrahim (as) dan Nabi Ismail (as) sebelum datang ke Makkah sehingga diperintahkan pembinaan semula Kaabah oleh Allah s.w.t. Kisah-kisah mengenai Maqam Ibrahim, Hajarul Aswad, Hijr Ismail, kiswah Kaabah dan Perigi Zamzam juga diceritakan dan diterbitkan semula kemudian dicetak dalam pelbagai jenis bahan ilmiah seperti jurnal, artikel dan buku supaya generasi akan datang dapat membaca dan menghayati sejarah lepas.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Siraj al-Din (Martin Lings). 1983. *Muhammad S.A.W His Life Based on the Earliest Sources*. Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies.
- Abu Khalil, Shauqi. 2003. *Atlas of the Quran, Places, Nations, Landmarks*. Riyadh: Maktaba Dar us-Salam.
- Abu Khalil, Shauqi. 2003. *Atlas on the Prophet's Biography, Places, Nations, Landmarks*. terj: Abdul Malik Mujahid. Riyadh: Maktaba Dar us-Salam.
- Ahmad Fikri Husin. 2010. Wacana cerita dalam al-Qur'an: satu kajian dalam Surah al-Kahf. Tesis Dr. Fal. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Ali Shariati. 1989. *Haji*. terj: Norazlina Abdul Aziz & Jomo K.S. Ikraq. Selangor: Petaling Jaya.
- Bey Arifin. 1991. *Rangkaian cerita dalam Al-Quran*. Johor Bahru: Pustaka Pte Ltd. Singapura Bhd.
- al-Bukhari, al-Imam. 1988. *Terjemahan Hadith Sahih Bukhari*. Malaysia: Klang Book Centre. Jilid I-IV.
- Hamka. 1983. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas. Juz 13-14.
- Husseiny Zamburi. 2014. *Lahirnya Cahaya Kebenaran Sejarah Hidup Nabi Muhammad S.A.W*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn. Bhd.
- Mohd Zaini Muhammad. 2014. *Sejarah Kaabah dan 3 Masjid Suci*. Selangor: Instaff Sdn. Bhd.
- Mubarafuri, Saifur-Rahman. 2002. *History of Makkah*. terj: Nasiruddin al-Khattab. Riyard: Dar us-Salam.
- Muhammad Ahmad Jadul Maula Beik. 1989. *Mutiara Kisah-kisah dalam Al-Quran*. Terj: Yunus Ali Almuhdhar. Klang: Book Centre.
- Muhammad Ghallab. 1986. *Inilah Hakikat Islam*. Johor Bahru: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Muhammad Ilyas Abdul Ghani. 2004. *Sejarah Mekah Dulu dan Kini*. terj: Rikza Mesyhad. al-Rasheed.
- Muhammad Isa Selamat. 1997. *1001 Cahaya, Himpunan Kisah-kisah Malaikat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.